NO. SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 17 MEI 2016

RUJUKAN : 8966

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Low Taek Jho atau Jho Low berada di Malaysia atau sejak bila dia tidak balik ke Malaysia. Adakah beliau telah berjumpa dengan polis berkenaan dengan siasatan kes 1MDB dan bila dan di mana ia berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis menerusi Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman sedang menjalankan siasatan ke atas syarikat 1Malaysia Development Berhad [1MDB] di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan (Pecah Amanah Jenayah) dan siasatan ke atas 1MDB juga merangkumi kedapatan dalam Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara [PAC] ke atas 1MDB. Semua saksi yang terlibat jika perlu akan di panggil oleh pihak polis untuk di rakam percakapan dalam siasatan lanjut.

Pihak polis akan memanggil penama tersebut jika terdapat keperluan untuk beliau hadir bagi membantu siasatan polis. Setakat ini, tiada pertemuan antara beliau dengan pihak polis.

59